A

PP lwn. LEE NGAN CHEA

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KANGAR
ABU BAKAR KATAR PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 45SO-05-05-2015]
25 JUN 2015

B

PROSEDUR JENAYAH: *Jaminan – Kesalahan keselamatan – Jadual Pertama, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 – Mengangkut dan menyeludup migran – Sama ada tertuduh boleh diikat jamin – Tertuduh berumur 70 tahun – Sama ada "a sick or an infirm person" – Sama ada mahkamah mempunyai budibicara untuk membenar atau menolak jaminan – Sama ada jaminan hanya boleh dibenarkan atas permohonan Pendakwa Raya – Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012, s. 13(2)(a), (b), (c) – Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007, s. 26J – The Hansard*

C

D

Tertuduh dalam kes ini asalnya dituduh di Mahkamah Sesyen dengan kesalahan di bawah s. 26J, Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007, kerana didakwa terlibat dalam penyeludupan migran. Bagaimanapun, memandangkan kesalahan di bawah s. 26J tersebut adalah terangkum ke dalam Jadual Pertama, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 ('Akta 2012') – sekaligus menjadikannya satu 'kesalahan keselamatan' – maka kes telah dipindah ke Mahkamah Tinggi untuk perbicaraan. Dalam pada itu, sementara menunggu tarikh perbicaraan, tertuduh telah memohon supaya beliau dibenarkan diikat jamin di bawah s. 13(2) Akta 2012. Adalah menjadi hujah tertuduh bahawa jaminan harus dibenarkan, memandangkan beliau sudahpun berumur 70 tahun, dan dengan itu adalah "a sick or an infirm person" sepertimana yang dimaksudkan oleh s. 13(2)(c) Akta 2012. Pendakwaan, bagaimanapun, berhujah bahawa di bawah skim Akta 2012, mahkamah tidak diberikan budi bicara untuk membenarkan jaminan, dan bahawa jaminan hanya boleh diberi jika permohonan untuknya dibuat oleh Pendakwa Raya, dan itupun tertuduh perlu kemudiannya dipasangkan dengan peranti pengawasan elektronik. Persoalan yang berbangkit adalah sama ada, dengan mengambil kira peruntukan-peruntukan statutori yang relevan, serta rekod-rekod Hansard Parlimen berkaitan Akta 2012, Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman di sini boleh membenarkan permohonan jaminan tertuduh.

E

F

G

H

Diputuskan (menolak permohonan):

(1) Dalam menimbang permohonan jaminan tertuduh di bawah s. 13(2)(c) Akta 2012, mahkamah perlu membezakan 'kesalahan keselamatan' di sini dengan kesalahan-kesalahan jenayah biasa di mana mahkamah mempunyai budi bicara di bawah ss. 388 dan 389 Kanun Tatacara Jenayah untuk membenarkan jaminan. Begitu juga, dalam menimbangkan

I

jaminan bagi 'kesalahan keselamatan', khususnya di bawah s. 13(2)(c) Akta 2012, mahkamah perlu melihat kepada niat Parlimen. (perenggan 13 & 17)

(2) Merujuk kepada Hansard yang berkenaan, dan s. 13 Akta 2012, niat Parlimen adalah untuk tidak memberikan budi bicara kepada mahkamah untuk memberikan jaminan bagi 'kesalahan keselamatan' melainkan atas permohonan TPR, dan itupun, setelah jaminan diberi, tertuduh perlu dipasangkan dengan peranti pengawasan elektronik. Oleh itu, dalam keadaan undang-undang yang sedia ada, walaupun mahkamah mendapati tertuduh di sini adalah 'seorang yang uzur' bagi maksud s. 13(2)(c) Akta 2012, mahkamah tiada budi bicara untuk membenarkan permohonannya. (perenggan 17 & 24)

Kes-kes yang dirujuk:

Chor Phaik Har v. Farlim Properties Sdn Bhd [1994] 4 CLJ 285 FC ***(dirujuk)***
Manickam & Ors v. PP [1982] CLJ 162; [1982] CLJ (Rep) 552 HC ***(dirujuk)***
PP v. Dato' Safuan Mat [1991] 2 CLJ 1112; [1991] 1 CLJ (Rep) 385 ***(dirujuk)***
Sivarasa Rasiah v Badan Peguam Malaysia & Anor [2010] 3 CLJ 507 FC ***(dirujuk)***
Soo Shiok Liong v. Pendakwa Raya [1993] 2 CLJ 657 HC ***(dirujuk)***
Zulkifflee Hj Hassan v. PP [1987] 1 LNS 31 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Anti-Trafficking in Persons and Anti-Smuggling of Migrants Act 2007, s. 26J
Criminal Procedure Code, ss. 388, 389
Penal Code, ss. 108, 395, 409
Security Offences (Special Measures) Act 2012, s. 13(2)(a), (b) (c)

Sumber-sumber yang dirujuk:

The Concise Oxford Dictionary, 9th edn, Clarendon Press-Oxford 1995, ms 1288

Bagi pihak pendakwaan - Badius Zaman Ahmad; TPR
Bagi pihak OKT - Jamil Mohamed Shafie; T/n Jamil Mohamed Shafie & Assocs

[Rayuan dari Mahkamah Sesyen, Kangar; Kes Tangkap No: 62TP-04-05-2015]

[Nota Pengarang: Mahkamah Rayuan dalam kes Raman Shunmugham lwn. PP [2020] 2 CLJ 818 memutuskan Mahkamah Tinggi dalam kes ini terkhilaf dalam memutuskan jaminan hanya boleh diberi apabila permohonan dibuat oleh Pendakwa Raya bawah s. 13(2)(c) Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas 2012). Budi bicara membenarkan jaminan tidak terletak pada Pendakwa Raya.]

Dilaporkan oleh Wan Sharif Ahmad

PENGHAKIMAN

Abu Bakar Katar PK:

[1] Orang Kena Tuduh (OKT) pada mulanya telah dituduh di Mahkamah Sesyen, Kangar, Perlis dan kes telah didaftarkan sebagai Kes Tangkap No: 62TP-04-05-2015. Pertuduhan yang dirangka oleh pendakwaan berbunyi seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 05.5.2015, jam lebih kurang 1.00 pagi di Jalan Baru Wang Kelian, 02200 Kaki Bukit, Perlis, Daerah Padang Besar, di dalam Negeri Perlis sebagai operator sebuah pengangkut iaitu teksi/kereta jenis Proton Wira nombor pendaftaran RG 1709 telah terlibat dalam pengangkutan migran yang diseludup seramai 7 orang iaitu:

Bil	Nama	Umur	Jantina	W/Negara	Dokumen Perjalanan
1.	Nur Muhamad	35 thn	Lelaki	Myanmar	Tiada
2.	Hamidullah	35 thn	Lelaki	Myanmar	Tiada
3.	Jahitalam	18 thn	Lelaki	Myanmar	Tiada
4.	Gulbahal	25 thn	Perempuan	Myanmar	Tiada
5.	Umahasais	14 thn	Perempuan	Myanmar	Tiada
6.	Bolsan	15 thn	Perempuan	Myanmar	Tiada
7.	Jawa Habibi	2 thn	Perempuan	Myanmar	Tiada

Dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 26J Akta Antipemerdagangan Orang Dan Anti Penyeludupan Migran 2007 dan boleh dihukum di bawah Akta yang sama.

[2] Pendakwaan kemudiannya memohon memindahkan kes Mahkamah Tinggi, Kangar, Perlis atas alasan kesalahan di bawah s. 26J Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (Akta 2007) termasuk dalam Jadual Pertama iaitu 'kesalahan keselamatan' di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (Akta itu).

[3] Pada 28 Mei 2015, kes ini telah disebut di Mahkamah Tinggi, Kangar, Perlis dan OKT tidak mengaku bersalah atas pertuduhan. Mahkamah ini kemudiannya telah menetapkan pada 18 Jun 2015 bagi membolehkan peguam OKT yang terpelajar membuat permohonan agar OKT dibenarkan jaminan sementara menunggu perbicaraan kes ini diselesaikan.

[4] Peguam OKT yang terpelajar membuat permohonan jaminan di bawah s. 13(2) Akta itu yang dihujahkan memberi budi bicara kepada mahkamah ini untuk memberikan jaminan atas alasan yang dinyatakan di bawah s. 13(2)(c), "a sick or an infirm person".

[5] Bagi kemudahan rujukan diperturunkan peruntukan s. 13 Akta itu yang berbunyi seperti berikut:

> (1) Bail shall not be granted to a person who has been charged with a security offence.
>
> (2) Notwithstanding subsection (1):
>
> (a) a person below the age of eighteen years;
>
> (b) a woman; or
>
> (c) a sick or an infirm person,
>
> charged with a security offence, other than an offence under Chapter VIA of the Penal Code [Act 574], may be released on bail subject to an application by the Public Prosecutor that the person be attached with an electronic monitoring device in accordance with the Criminal Procedure Code.

[6] Peguam OKT yang terpelajar menghujahkan memandangkan Akta itu tidak memberikan takrifan secara khusus perkataan 'sick' atau 'infirm', mahkamah ini perlu merujuk takrifan mengikut maksud biasa yang digunakan. Mahkamah ini bersetuju dengan penghujahan peguam OKT yang terpelajar dalam perkara ini.

[7] Mahkamah ini merujuk kamus "*The Concise Oxford Dictionary*, Ninth Edn, Clarendon Press-Oxford 1995" di ms. 1288 telah memberi takrifan perkataan 'sick' sebagai "2.ill; affected by illness (has been off sick for a week, a sick man)".

[8] Mahkamah ini dirujuk kamus "*Collins Dictionary*" yang memberi takrifan 'infirm' sebagai "1.A weak in health or body especially from old age."

[9] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam OKT yang terpelajar iaitu OKT berumur 70 tahun 25 hari dan mengikut takrifan 'infirm' ianya termasuk dalam jaringan peruntukan s. 13(2)(c) Akta itu.

[10] TPR yang terpelajar telah menghujahkan peruntukan s. 13(2)(c) Akta itu tidak memberikan budi bicara kepada mahkamah ini untuk membenarkan jaminan melainkan atas permohonan TPR untuk melepaskan jaminan tertakluk kepada peranti pengawasan elektronik (electronic monitoring device) selaras dengan Kanun Tatacara Jenayah (KTJ). Mahkamah ini dimaklumkan pada masa sekarang di Malaysia belum ada peranti pengawasan elektronik. Begitu juga tiada peruntukan digubal dalam KTJ berkaitan peranti pengawasan elektronik.

[11] Sebaliknya peguam OKT yang terpelajar menghujahkan ketiadaan peranti pengawasan elektronik yang dihujahkan oleh TPR yang bijaksana, ianya tidak menghalang mahkamah ini menjalankan budi bicara yang dibenarkan di bawah s. 13(2)(c) Akta itu. Parlimen yang sepatutnya menggubal undang-undang bagi mengelakkan sebarang '*lacuna*' yang timbul dan ianya tidak menjejaskan hak OKT untuk diberikan jaminan oleh mahkamah ini. Begitu juga ketiadaan peruntukan peranti pengawasan elektronik di dalam KTJ ianya tugas Parlimen untuk menggubalnya dan ketiadaan ini tidak seharusnya menghalang hak OKT untuk diberi jaminan.

[12] Peguam OKT yang terpelajar telah merujuk kes *Soo Shiok Liong v. Pendakwa Raya* [1993] 2 CLJ 657; [1993] 2 MLJ 381 di ms. 382 yang telah pun memperincikan faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan dalam menentukan jumlah jaminan yang akan ditentukan. Mahkamah ini juga dirujuk kes *Public Prosecutor v. Dato' Safuan Mat* [1991] 2 CLJ 1112; [1991] 1 CLJ (Rep) 385; [1991] 2 MLJ 186 di mana sebagai syarat tambahan kepada jaminan memohon dokumen perjalanan tertuduh diserah simpan di Mahkamah yang membicarakan kes berkenaan. Mahkamah ini turut ditarik perhatian kepada kes *Zulkifflee Hj Hassan v. Public Prosecutor* [1987] 1 LNS 31; [1987] 2 MLJ 527 yang menjelaskan tujuan jaminan sekadar untuk

memastikan kehadiran tertuduh dan jaminan bukannya bersifat hukuman dan berlebihan. Peguam OKT yang terpelajar dalam hujahannya turut merujuk kes *Manickam & Ors v. Public Prosecutor* [1982] CLJ 162; [1982] CLJ (Rep) 552; [1982] 1 MLJ 227 dan menghujahkan dalam apa-apa keadaan sekali pun mahkamah ini mempunyai budi bicara membenarkan jaminan.

[13] Mahkamah ini berpendapat dalam menimbangkan permohonan jaminan OKT di bawah s. 13(2)(c) Akta itu ianya perlu dibezakan dengan jaminan yang melibatkan 'kesalahan biasa' di mana mahkamah ini mempunyai budi bicara yang diperuntukkan di bawah s. 388 dan s. 389 KTJ. Mahkamah ini bersetuju dengan prinsip-prinsip yang diputuskan dalam kes *Soo Shiok Liong (supra)* dalam menentukan jumlah jaminan. Mahkamah ini berpendapat dalam kes *Soo Shiok Liong (supra)* ianya melibatkan kesalahan di bawah s. 108 Kanun Keseksaan iaitu bersubahat dengan 13 kesalahan pecah amanah jenayah berjumlah RM5 juta. Begitu juga dalam kes *Dato' Mat (supra)* ianya melibatkan kesalahan pecah amanah jenayah di bawah s. 409 Kanun itu. Kes *Zulkifflee Hj Hassan (supra)* melibatkan kesalahan yang sama di bawah s. 409 Kanun itu.

[14] Mahkamah ini telah menimbangkan kesalahan yang dilakukan oleh OKT iaitu di bawah s. 26J Akta Antipemerdagangan Orang Dan Anti Penyeludupan Migran 2007 (Akta 2007). Kesalahan ini telah dimasukkan ke dalam Jadual Pertama Akta itu sebagai 'kesalahan keselamatan' sebagaimana yang dipinda melalui Pindaan Akta A1472 yang berkuatkuasa pada 31 Disember 2014.

[15] Bagi kemudahan rujukan diperturunkan pindaan Jadual Pertama kepada Akta itu:

First Schedule
(Section 3)
SECURITY OFFENCES

Penal Code [Act 574]:

(i) Offences under Chapter VI

(ii) Offences under Chapter VIA

(iii) Offences under Chapter VIB

Anti-Trafficking in Persons and Anti-Smuggling of Migrants Act 2007 [Act 670]:

Offences under Part IIIA.

[16] Mahkamah ini telah merujuk Bahagian IIIA Akta 2007 ianya termasuk kesalahan-kesalahan di bawah s. 26A hingga J. Dalam konteks kes di hadapan mahkamah sekarang, kesalahan di bawah s. 26J termasuk dalam 'kesalahan keselamatan' yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

[17] Mahkamah ini berpendapat dalam menimbangkan jaminan yang melibatkan 'kesalahan keselamatan' khususnya di bawah peruntukan s. 13(2)(c) Akta itu, mahkamah ini perlu melihat niat Parlimen semasa membahaskan rang undang-undang ini tidak memberikan budi bicara kepada mahkamah ini untuk memberikan jaminan yang melibatkan 'kesalahan keselamatan' melainkan atas permohonan TPR di mana pemasangan peranti pengawasan elektronik dipasang kepada tertuduh yang dibenarkan jaminan.

[18] Mahkamah ini berpendapat elok sekiranya dirujuk 'Hansard' bagi mengetahui niat Parlimen semasa mengubal peruntukan s. 13 Akta itu. Pendekatan yang sama telah diikuti dalam kes *Sivarasa Rasiah v. Badan Peguam Malaysia & Anor* [2010] 3 CLJ 507 di mana telah merujuk kes *Chor Phaik Har v. Farlim Properties Sdn Bhd* [1994] 4 CLJ 285 sebelum memutuskan;

> A careful examination of the reasons behind the enactment as revealed in the speech of the Minister for Law and Attorney General as reported in Hansard when introducing s. 46A in Bill form to Parliament is to keep the Bar Council free from political influence. It is now settled that resort to Hansard may be legitimately had as a guide to interpreting an Act of Parliament. See, *Chor Phaik Har v. Farlim Properties Sdn Bhd* [1994] 4 CLJ 285. As earlier observed, it is in the public interest to have the governing body, namely, the Bar Council, free of any political influence. The section however does not prevent the appellant and those members of the Bar similarly circumstanced as him from attending and speaking at a general meeting of the Bar to put their views across for the purpose of influencing the Bar Council. It follows that the legislative measure under challenge is proportionate to the object it seeks to achieve. The result may have well been different if the section had prohibited the appellant and others in his position from practising law or from attending the general meetings of the Bar. Such a measure may well have been disproportionate and therefore arbitrary and unconstitutional. In short, s. 46A satisfies the threefold test laid down in *Nyambirai* and hence does not violate art. 8(1). It follows that it is a fair and just law within art. 5(1) and therefore does not offend that article as well. Put shortly, the appellant's right within the compass of the personal liberty clause was deprived in accordance with law.

[19] Mahkamah ini telah meneliti Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat, Parlimen Kedua Belas, Penggal Kelima, Mesyuarat Pertama Bil 20, 17 April 2012 (Selasa). Mahkamah ini telah meneliti perbahasan yang dikemukakan oleh YB Dr M Jeyakumar Devaraj (Ahli Parlimen Sungai Siput) (YB itu) dan nampaknya YB itu telah pun menzahirkan kebimbangannya kesan s. 13 Akta itu semasa ianya dibahaskan di Dewan Rakyat. YB itu berpandangan berkaitan kuasa jaminan, Parlimen tidak memberikan budi bicara jaminan kepada mahkamah sebaliknya kepada Pendakwa Raya. Mahkamah ingin memetik perbahasan tersebut sebagaimana berikut:

> Fasal 13 ini adalah berkaitan dengan bail atau jaminan kepada orang yang dituduh, atas sesuatu kesalahan keselamatan. Apa yang diberikan di dalam akta ini ialah kuasa untuk membuat keputusan, bolehkah orang itu

A diberikan jaminan, bukan pada hakim. Ini dikatakan tidak boleh diberikan untuk beberapa kumpulan tertentu di bawah 18 tahun seorang perempuan, Pendakwa Raya boleh syorkan.

[20] YB itu dalam nada sinisnya menyatakan:

B … So kita telah mengambil kuasa untuk mempertimbangkan isu itu daripada hakim dalam akta ini dan beri-tidak ada sesiapa. Sekiranya dia di 'charge', tidak ada jaminan.

[21] YB itu yang dilantik oleh pengundi bagi mewakili suara rakyat di Parlimen cuba mencadangkan fasal 13 (sekarang s. 13) dipinda dan memberikan budi bicara kepada mahkamah untuk menentukan jaminan. Mahkamah ini amat tertarik dengan idea YB itu dan izinkan memetik cadangan YB itu sebagaimana berikut:

C So, ini satu yang heavy handed, dengan izin. It ties the hands, ini ikat tangan hakim. Jadi apa yang disyorkan ialah fasal 13 digantikan dengan perkataan seperti berikut, "Jaminan boleh diberikan kepada seseorang yang dituduh atas suatu kesalahan keselamatan jika hakim berpuashati risiko keganasan terhadap orang atau harta dapat dikawal oleh sekatan terhadap orang yang dituduh seperti peranti pengawasan elektronik, perampasan passport, pendeposit wang jamin dan kewajipan melaporkan diri dengan pihak polis secara berkala hingga kes terhadapnya diputuskan". So, jadi ini boleh memberi satu kuasa kepada hakim untuk membuat keputusan itu, the judicial review again. I think it is good for the acts. I hope you consider it. Terima kasih.

[22] Mahkamah ini berpendapat niat Parlimen dalam menggubal s. 13 Akta itu dapat dilihat daripada ucapan YB Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz yang telah membezakan 'kesalahan keselamatan' dengan 'criminal offences' bagi tujuan jaminan. Mahkamah ini memetik kata-kata beliau sebagaimana berikut:

G Tuan Pengerusi, saya amat memahami apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat daripada Sungai Siput tetapi daripada awal lagi saya sudah mengatakan iaitu bahawa mereka yang dituduh di atas kesalahan di bawah rang undang-undang yang sedang kita bahaskan ini, ia merupakan kesalahan keselamatan yang cukup serius. Jadi ia tidak boleh dilihat daripada segi keadaan biasa. Saya sebutkan sebentar tadi iaitu dalam keadaan biasa, 'criminal offences' dibolehkan tetapi ini kesalahan keselamatan, very serious.

[23] Mahkamah ini turut menimbangkan ucapan YB Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz dan menolak cadangan pindaan yang dikemukakan oleh YB Sungai Siput. Beliau menoktahkah perbahasan fasal 13 dengan kata-kata berikut:

I ... Oleh sebab itu saya ingin menyatakan di sini iaitu kita mahu supaya fasal 13 dikekalkan seperti sedia ada dan kita tidak bersetuju dengan pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput.

[24] Mahkamah ini setelah meneliti Hansard semasa membahaskan rang undang-undang terutamanya fasal 13 (sekarang s. 13), niat Parlimen hanya membenarkan jaminan dalam keadaan yang dinyatakan di bawah s. 13(2)(a), (b), (c) Akta itu dan ianya terpulang kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk memohonnya dengan syarat pemasangan peranti pengawasan elektronik. Mahkamah ini berpendapat dalam keadaan undang-undang yang ada sekarang, mahkamah ini tidak mempunyai budi bicara untuk membenarkan permohonan jaminan oleh OKT berdasarkan peruntukan s. 13(2)(c) "seorang yang sakit atau seorang yang uzur" sebagaimana yang cuba dihujahkan oleh peguam OKT yang terpelajar.

[25] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam OKT yang terpelajar iaitu berpandukan fakta usia OKT ianya termasuk dalam "seorang yang uzur". Mahkamah ini menyerahkan kepada kebijaksanaan TPR yang terikat dengan peruntukan pemasangan peranti pengawasan elektronik yang buat masa ini belum digubal dalam KTJ.

[26] Mahkamah ini berpendapat dalam kes *Manickam & Ors (supra)* ianya melibatkan kesalahan biasa atau dalam konteks perbahasan YB Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz kesalahan s. 395 Kanun itu termasuk dalam 'criminal offences' yang boleh dijamin. Sebaliknya kesalahan yang dilakukan oleh OKT termasuk dalam 'kesalahan keselamatan' dan ianya secara jelas membataskan budi bicara mahkamah dalam hal jaminan melainkan TPR yang terpelajar tertakluk kepada peranti pengawasan elektronik. Mahkamah ini berpendapat dalam kes *Manickam & Ors (supra)* ianya merungkai persoalan budi bicara mahkamah ini di bawah s. 388 dan s. 389 KTJ yang membenarkan jaminan.

[27] Kesimpulannya, berdasarkan alasan-alasan yang dihuraikan di atas, mahkamah ini berpendapat peruntukan di bawah s. 13(2) Akta itu tidak memberikan budi bicara kepada mahkamah ini untuk membenarkan permohonan jaminan atas OKT yang menghadapi 'kesalahan keselamatan'. Walaupun begitu, mahkamah ini bersetuju OKT termasuk dalam "seseorang yang uzur" berpandukan usianya bagi maksud peruntukan s. 13(2)(c) Akta itu. Parlimen telah memberi budi bicara kepada TPR dalam hal jaminan sebegini dan tertakluk kepada pematuhan peranti pengawasan elektronik yang ditetapkan dalam KTJ.

[28] Dalam penghakiman ini, mahkamah ini ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Encik Edy Irwan bin Zulkafli, Perpustakaan Istana Kehakiman yang membantu mendapatkan Hansard yang dirujuk dalam penghakiman ini.